

Perwakilan tak boleh ikut emosi, utamakan rasional

Oleh Kadir Dikoh

KETIKA berbual di lobi sebuah hotel di Islamabad, Pakisian baru-baru ini, Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam secara berseloroh berkata bahawa beliau akan hadir pada upacara perasmian Perhimpunan Agung Umno Rabu ini, sebagai 'orang tengah' antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya boleh bercakap apa saja dengan Dr Mahathir walaupun wujud perbezaan pendapat mengenai politik. Saya amat kenal Pak Lah dan bekas Perdana Menteri itu," kata Musa sambil menunjukkan majalah *The Times* dengan gambar Dr Mahathir pada kulitnya bertajuk "Remember Me?" (Masih ingat saya?).

Bagi Musa yang akan bergegas terbang ke London selepas upacara perasmian itu nanti kerana menghadiri satu acara di sana, zaman Dr Mahathir sudah berlalu dan seharusnya memberi ruang serta peluang kepada Pak Lah untuk memerintah dengan caranya sendiri.

Katanya, Dr Mahathir memang suka lagu *My Way* tetapi pada masa sama perlu menerima hakikat the way out'.

Musa berada di Islamabad untuk menghadiri Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) yang turut dihadiri Pak Lah, yang menyampaikan ucapan-tama.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang kini masih menerima rawatan di Institut Jantung Negara (UN) hampir pasti tidak dapat menghadiri perhimpunan agung itu atas nasihat doktor untuk berehat sepenuhnya.

"Saya nak rehat... tiada kenyataan apa apa... harap perhimpunan (Perhimpunan Agung Umno) berjalan dengan baik," kata bekas Perdana Menteri itu kepada *Bernama* dan RTM. kelmarin.

Meskipun tiada pemilihan, Perhimpunan Agung Umno kali ini tetap menarik perhatian dan istimewa. Perwakilan yang membahaskan tiga usul utama iaitu usul terima kasih ucapan dasar Presiden, ekonomi dan pendidikan serta agama dan sosial, tidak dapat lari daripada memperkatakan isu semasa.

Tidak mengapa biarlah isu pembunuhan kejam model sambilan Mongolia, Altantuya Shaariibuu @ Aminah, 28, dibicarakan di luar Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTG). Isu ini dijangka akan terns menghantarkan perbualan, un-

tuk beberapa ketika lagi. Beberapa hari menjelang perhimpunan ini, isu terbabit yang dikaitkan dengan seorang penganalisis, politik terkemuka, bagaimana menenggelam isu lain termasuk isu kritikan berterusan Dr Mahathir terhadap kepimpinan Pak Lah. Jika kita masih ingat, saban tahun menjelang Perhimpunan Agung Umno, penganalisis politik terbabit kerap memberi pandangan bernasnya mengenai isu semasa.

Apa yang menarik diambil perhatian ialah kandungan ucapan dasar Presiden, kerana ia akan dibahaskan oleh perwakilan pada hari pertama, Rabu ini. Khabarnya, Pak Lah sudah separuh jalan merangka inti pati ucapan itu dan maklum balas pada acara tertutup pramajlis di Dewan Merdeka, petang ini, dijangka memberi sedikit sebanyak input baru untuk ucapan pembukaannya, Rabu ini.

Sudah tentu perwakilan akan memberi perhatian bagi mendapat 'hint' daripada ucapan Pak Lah sebagai panduan apabila membahaskan usul itu nanti.'

Pada sidang akhbar di Islamabad minggu lalu, Pak Lah mengelak untuk menjawab apabila ditanya sama ada ucapan dasarnya nanti akan menyentuh mengenai isu kritikan Dr Mahathir itu, dengan berkata: "Saya belum buat (tuliskan) lagi ucapan itu."

Bagaimanapun, pesanan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini juga perlu diambil perhatian oleh perwakilan yang meminta mereka yang berbahas supaya mengelakkan daripada membuat sebarang kecaman peribadi atau mengaibkan individu tertentu. Itulah agenda dan perjuangan orang Melayu yang dirasakan lebih penting untuk dibincangkan berbanding kecaman terhadap individu tertentu dan isu remeh-temeh.

"Kita percaya bahawa perwakilan

"Saya boleh bercakap apa saja dengan Dr Mahathir walaupun wujud perbezaan pendapat mengenai politik"

Musa Hitam
Bekas Timbalan Perdana Menteri

yang berbahas mempunyai etika dan sudah tentu mereka akan menumpukan kepada isu berkaitan soal prinsip orang Melayu terutama dari segi politik, ekonomi dan pendidikan," kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin berkata, perwakilan Umno sudah matang dan tidak mudah melatah ketika berbahas dengan menggunakan platform Perhimpunan Agung parti itu dengan mengecam individu tertentu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Perhimpunan Agung Umno adalah majlis yang tidak sepatutnya dice-mari dengan kecaman peribadi dan perkara mengaibkan individu tertentu sama ada dalam atau luar parti.

Mungkin ada pembahas nanti membuat syor tertentu bagaimana untuk 'memulihkan' hubungan Pak Lah-Dr Mahathir, demi kepentingan bangsa, agama dan negara. Selagi isu itu berterusan, ia tidak menguntungkan semua kecuali pihak pembangkang.

Agenda Melayu, seperti biasa, dijangka akan terus menguasai persidangan ini dan agenda Melayu ini merangkumi semua perkara dan akan di sentuh dalam perbahasan ketiga-tiga usul itu nanti. Perhatian juga sudah pasti menjurus kepada usul ekonomi dan pendidikan.

Isu pendidikan juga tidak kurang menariknya. Misalnya, Badan Perhubungan Umno Johor dan Pulau Pinang baru-baru ini mahu sistem meritokrasi yang dipraktikkan di institusi Pengajian tinggi awam, (IPTA) dihenti serta dihapuskan kerana memberi kesan kurang menyenangkan kepada Melayu.

Selain itu, pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris juga ditolak kerana Umno Johor berpendapat ia menyebabkan berlaku jurang dalam prestasi peperiksaan bandar serta luar bandar.

Malah, isu konsep Bangsa Malaysia sebelum ini turut dibangkitkan beberapa pihak kerana dianggap boleh membantu memperkukuhkan perpaduan kaum, tetapi Konvensyen Umno Johor menyifatkan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Kepada perwakilan - bahaslah segala isu secara rasional, bukan emosional. Jika membuat sesuatu dakwaan, kemukakan dengan fakta bukannya andaian. Jika membuat teguran, buatlah secara profesional.